

08 JUN 2000

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS ANJURAN KERAJAAN JEPUN

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri satu majlis di Rumah Tetamu Akasaka bagi orang kenamaan asing yang menghadiri majlis pengkebumian mendiang Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi.

Dr Mahathir adalah antara pemimpin dunia dan orang kenamaan yang menghadiri upacara pengkebumian Obuchi, yang meninggal dunia pada 14 Mei, enam minggu selepas diserang angin ahmar dan koma.

Majlis di kompleks Istana Akasaka itu dihoskan Perdana Menteri Yoshiro Mori.

Antara pemimpin dunia yang menghadiri majlis itu ialah Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, Perdana Menteri Thailand Chuan Leek Pai dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Dr Mahathir sebelum itu menghadiri majlis pengkebumian Obuchi di Nippon Budokan Hall di sini, ibu negeri daerah Kudan.

-- BERNAMA

GM RON